

**Sabah Sedia Hadapi Pilihan Raya Bila-bila Masa – Musa Bernama
18 Mei, 2012**

TAWAU, 18 Mei (Bernama) -- Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah Datuk Seri Musa Aman berkata BN Sabah sudah bersedia menghadapi pilihan raya umum ke-13 pada bila-bila masa.

Ketua Menteri Sabah berkata kesiapsiagaan BN itu berasaskan kepada pendekatan parti berkenaan yang sejak dari awal bekerja dan berkhidmat untuk rakyat sepanjang masa dan di mana sahaja, tanpa perlu menunggu saat pilihan raya menjelang.

"Kami bersedia. Pemimpin masyarakat dan rakyat juga sudah bersedia sebab sejak dari dahulu lagi kami sudah bekerja. Saya telah katakan dari awal kepada anggota-anggota Dewan Undangan Negeri atau anggota Parlimen bahawa apabila kita dipilih menjadi wakil rakyat, diberi mandat oleh rakyat, kita mesti bersyukur dan berterima kasih.

"Tetapi jangan anggap apabila kita dapat gelaran YB ia adalah satu keistimewaan atau pangkat yang tinggi. Kita dengan rendah hati menerima gelaran YB itu sebagai bukan 'Yang Berhormat' sahaja tetapi "Yang Berkhidmat" kepada rakyat," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin masyarakat zon Tawau di sini Jumaat.

Musa yakin parti pembangkang tidak akan mampu menembusi kubu kuat BN selagi wakil-wakil rakyat terus bekerja kuat dan berkhidmat dengan penuh dedikasi.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667086>